

## → JENAYAH

B HARIAN

28/2/19

### Bayi 28 hari maut dipercayai kena dera

**Kota Samarahan:** Bayi perempuan berusia 28 hari meninggal dunia Isnin lalu selepas hasil bedah siasat menunjukkan mangsa dipercayai didera secara fizikal.

Ketua Polis Daerah Kota Samarahan, Deputy Superintendan Lee Chong Chern, berkata pihaknya menerima laporan daripada pegawai perubatan di Klinik 1Malaysia, Taman Samarindah yang menerima bayi itu sebagai pesakit jam 3.15 petang, Isnin lalu.

"Ketika dihantar ke klinik terbabit oleh bapanya, mangsa sudah meninggal dan hasil pemeriksaan mendapati badan serta kaki bayi itu ada kesan lebam lama seperti dicubit, dicakar dan dipukul. Hujung jari kaki dan tangan bayi juga sudah kebiruan.

"Laporan bedah siasat yang dijalankan semalam di Hospital Umum Sarawak (HUS) pula mendapati ada kesan retakan pada tempurung kepala mangsa menyebabkan berlaku pendarahan dalaman," katanya di sini, semalam.

Lee berkata, ibu bapa bayi itu sudah ditahan pada jam 1.30 tengah hari kelmarin di pekarangan Unit Forensik HUS.

"Bapanya yang berusia 29 tahun dan bekerja sebagai pengawal keselamatan direman selama tujuh hari, manakala ibunya yang berusia 41 tahun direman sehari.